



**TEKS UCAPAN PENUTUP  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA  
MAJLIS KONVOKESYEN MELAKA INTERNATIONAL  
COLLEGE  
OF SCIENCE AND TECHNOLOGY (MiCoST) KE-7**

**TARIKH: 2 OGOS 2021 , MASA: 12.30 TENGAH HARI  
BERTEMPAT DI PEJABAT KETUA MENTERI**

Bismillahirrahmanirahim

Lafaz selawat kepada Rasul Junjungan, Nabi Muhammad SAW, yang menjadi ikutan, dan suri tauladan sepanjang zaman.

*Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina Muhammad.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

1. Apa khabar para graduan, ahli keluarga dan para pendidik Melaka International College of Science and Technology (MiCoST)? Saya doakan anda semua sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera dan dijauhi daripada sebarang musibah.
2. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat meraikan Majlis Konvokesyen Melaka International College of Science and Technology (MiCoST) kali ke-7 pada hari yang penuh bermakna ini.

3. Saya dimaklumkan, pada hari ini juga, buat kali pertama, sambutan Majlis Konvoquesyen ini disambut secara maya disebabkan kita masih berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19. Keadaan norma baharu ini pastinya begitu berbeza kerana kita perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan demi memutuskan rantai COVID-19.
4. Apapun medium sambutan ini, hari ini merupakan hari paling bermakna kepada semua graduan MiCoST kerana kita berkongsi kejayaan para graduan dan kegembiraan

para ibu bapa serta ahli keluarga di atas usaha murni di dalam rehlah ilmiah di institusi pendidikan yang tercinta ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

5. Di kesempatan ini, izinkan saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada 142 orang graduan kerana telah berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya. Begitu juga, sekalung penghargaan saya ucapkan kepada para ibu bapa, pensyarah dan seluruh warga MiCoST yang ikhlas memastikan para graduan menjadi

insan yang berpendidikan bagi mengisi ruang ketamadunan ummah supaya menjadi insan intelek masa depan yang murni sahshiah.

6. Tahniah kepada para graduan kerana berkat daya usaha, kegigihan dan kesabaran dalam mengharungi alam pengajian, segala usaha dan pengorbanan saudara saudari sepanjang menjadi pelajar MiCoST, akhirnya telah berjaya membuahkan hasil.
7. Walau bagaimanapun, perjalanan untuk menimba ilmu tidak berakhir setakat ini. Proses pembelajaran dan

menimba ilmu adalah satu proses dinamik yang berterusan sepanjang hayat.

8. Dalam arus kepesatan teknologi dunia tanpa sempadan, para graduan perlu bijak mengatur strategi dan bersiap siaga menghadapi segala cabaran dan dugaan demi mencapai kejayaan dalam kehidupan, seterusnya menabur bakti kepada agama, bangsa dan negara.

Para graduan sekalian,

9. Konvokesyen ini merupakan suatu titik permulaan bagi saudara dan saudari mengorak langkah ke tahap yang lebih tinggi dan memahami erti dan cara kehidupan berkerjaya. Bagi mereka yang akan memasuki alam pekerjaan, saudara dan saudari perlu menyiapkan diri secara mental dan fizikal bagi memenuhi keperluan majikan.
  
10. Justeru, dalam suasana getir yang bukan hanya melanda negara, malah seluruh dunia, para graduan perlu bekerja keras untuk mengharungi segala cabaran dalam tempoh krisis ini. Gunakanlah masa dan peluang



yang ada bagi menambah kemahiran dan pengetahuan baharu sebagai nilai tambah diri untuk bersaing di alam kerjaya.

Hadirin dan hadirat, para graduan yang dihormati sekalian,

11. Kejayaan sesebuah institusi pendidikan bergantung kepada keupayaan melahirkan graduan yang berkualiti, berinovasi dan kreatif untuk mencipta pekerjaan baharu dan bukanlah semata-mata melahirkan graduan yang hanya mencari pekerjaan.

12. Sebagai sebuah negeri pembangunan, Kerajaan Negeri Melaka akan terus memimpin hala tuju dalam sektor pendidikan selari dengan misi utama Negeri Melaka yang berasaskan akronim T.E.R.A.S iaitu A untuk antarabangsa yakni memperhebatkan institusi pendidikan agar lebih berkualiti dan bertaraf dunia. Misi ini juga selari dengan flagship ketujuh yang terkandung di dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 iaitu menjadikan Melaka sebagai hab pendidikan.

13. Saya yakin, MiCoST mempunyai potensi untuk berkembang menjadi pusat pendidikan yang terbaik dengan meningkatkan usaha pendidikan dan membina rangkaian dengan universiti-universiti ternama.

Hadirin dan hadirat, para graduan yang saya kasihi sekalian,

14. Akhir kata, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua graduan yang telah melakar kejayaan pada hari ini. Sekalung tahniah juga saya zahirkan kepada barisan kepimpinan MiCoST kerana

telah banyak membawa perubahan dan inisiatif baharu bagi mengangkat martabat MiCoST. Saya berdoa semoga para graduan berjaya mencapai segala impian dan semoga MiCoST terus cemerlang dalam melahirkan lebih ramai graduan yang berilmu dan berketerampilan.

Sekian,           wabillahhi           taufik           wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

